

12/08/2002

Usahawan wanita perlu banyak latihan teknikal

Nor Affizar Ibrahim

SEMEMANGNYA diakui dunia perniagaan tidak mengenal jantina. Baik usahawan lelaki mahupun wanita masih perlu bersaing untuk merebut peluang dan mengembangkan perniagaan masing-masing. Inilah cabarannya.

Bagaimanapun, bagi usahawan wanita, walaupun penyertaannya cukup cemerlang dalam bidang tertentu, ada antaranya pun sudah mampu bersaing sehingga ke peringkat antarabangsa, masih tetap memerlukan lebih banyak pendedahan. Malah, masih ramai usahawan wanita yang perlu dibimbing dan dibantu oleh kerajaan untuk dipertingkatkan perniagaannya.

Konvensyen Kebangsaan Usahawan Wanita 2002 yang berlangsung selama dua hari di Hotel Sunway Lagoon Resort, baru-baru ini, dilihat sebagai satu usaha positif bagi memastikan kejayaan berterusan bagi usahawan wanita. Ia juga boleh dianggap sebagai satu forum terbaik untuk mereka berbincang, bertukar pandangan dan pengalaman serta mencari pendekatan terkini untuk meningkatkan taraf usahawan wanita.

Konvensyen yang dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, itu anjuran bersama Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, Persekutuan Pertubuhan Wanita dalam Perniagaan Malaysia (Fem) dan Dewanita.

Apa yang jelas, objektif utama konvensyen ini untuk memberi penjelasan mengenai hala tuju wanita dalam pembangunan negara mendapat sambutan yang menggalakkan. Melalui konvensyen, penyebaran maklumat mengenai peluang perniagaan dalam pelbagai sektor strategik supaya penyertaan wanita dalam bidang keusahawanan sedikit sebanyak dapat dipertingkatkan.

Ini terbukti apabila 103 resolusi dicapai hasil perbincangan daripada empat sesi bengkel yang diadakan pada hari terakhir konvensyen. Sesi bengkel yang diadakan serentak itu membincangkan topik yang lebih menjurus untuk mewujudkan kepekaan usahawan wanita terhadap perubahan dan kehendak semasa. Ia juga menekankan dan membangkitkan beberapa perubahan yang sesuai perlu dibuat agar bidang perniagaan diceburi, bersedia menghadapi cabaran serta berdaya tahan, berdaya maju dan berdaya saing.

Justeru, empat topik diutarakan pada hari itu, iaitu Pembangunan Wanita dalam ICT, Pembangunan Wanita Dalam Bidang Perdagangan dan Perindustrian, Pembangunan Sumber Manusia Wanita dan Pemasaran Produk;

Bagaimanapun, daripada 103 resolusi yang digariskan 15 perkara diberi keutamaan. Ia termasuk mewujudkan pembiayaan khas untuk usahawan wanita bagi meningkatkan pembabitan mereka dalam arus pembangunan negara. Selain menetapkan supaya kajian diadakan mengenai bidang baru perniagaan; membabitkan usahawan wanita dalam industri sukan, mengkaji semula kerenaah birokrasi dan menubuhkan pusat pembungkusan di setiap negeri.

Sementara itu, Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz, berkata resolusi bengkel yang digariskan itu dianggap penting untuk menjadi hala tuju pembangunan wanita dalam sektor keusahawanan.

"Resolusi ini bertepatan sekali dengan masanya memandangkan pada 2003, kajian semula separuh penggal Rancangan Malaysia Kelapan (RMK ke-8) akan dilaksanakan dan resolusi ini boleh dijadikan input kepada program keusahawanan wanita," katanya pada majlis penutup konvensyen itu.

Mohamed Nazri juga berkata, sudah sampai masanya pasukan pemikir ditubuhkan untuk mengkaji kehendak pasaran dan menyelaras pembangunan usahawan wanita di negara ini.

Intan Maznah Abdul Ghani yang mengikuti perbincangan bengkel, Pembangunan Sumber Manusia Wanita berpendapat, resolusi yang dihasilkan

pada konvensyen itu sewajarnya diberi perhatian dan dibuat tindakan susulan secepat yang mungkin.

"Wanita memerlukan lebih banyak latihan teknikal bagi membolehkan mereka berdaya saing dengan usahawan lelaki. Jadi, saya berharap lebih banyak peluang kursus dan latihan khusus diberikan kepada wanita supaya mereka juga tidak ketinggalan ke belakang dan boleh menjadi usahawan berkualiti dan tidak sekadar memenuhi kuota," katanya.

Beliau yang juga giat dalam persatuan Usahanita Selangor juga berkata, Konvensyen Kebangsaan Usahawan Wanita 2002 memang memberi banyak manfaat dan boleh membuka minda terutama, kepada golongan usahawan yang baru hendak bertapak dalam dunia pengalaman.

Sharifah Zainab Syed Abd Rahman pula berharap, konvensyen peringkat kebangsaan seumpama itu dapat diadakan dua kali setahun supaya lebih ramai usahawan wanita yang berminat meningkatkan pengetahuan dapat menyertainya.

"Banyak usahawan wanita dari seluruh negara berminat untuk menyertai konvensyen ini. Oleh kerana penyertaan adalah terhad, ramai yang kecewa kerana tidak dapat hadir untuk menjadi peserta. Jadi, apabila konvensyen seperti ini diadakan dua kali setahun, ia dapat memberi peluang yang lebih luas kepada yang berminat untuk menyertainya," ujar beliau.

Sharifah Zainab antara pengasas Persatuan Usahawan Wawasan Wanita Malaysia (Wawasanita) turut mencadangkan supaya setiap kali mengadakan konvensyen seperti itu, lebih banyak lagi ruang pameran perniagaan dibuka. Cara itu dapat memberi peluang kepada usahawan untuk mengadakan promosi secara langsung terhadap produk yang dihasilkan.

Seorang lagi peserta, Wan Sabariah Wan Mat Zain, mengakui konvensyen ini banyak memberi manfaat untuk meningkatkan pengetahuan dan pengalaman di samping, meningkatkan peluang mewujudkan jaringan perniagaan.

Beliau yang sedang giat memperkembangkan perniagaan dalam bidang sulaman, Stitch @ Dawana Fesyen di Putrajaya berkata, ini adalah penyertaan pertamanya menghadiri seminar yang membabitkan usahawan wanita